

21/10/2001

Persatuan anggap langkah strategik

KUALA LUMPUR: Lebih banyak persatuan menyambut baik Belanjawan 2002 yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan di Dewan Rakyat kelmarin.

Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) menyifatkan Belanjawan 2002 sebagai belanjawan yang menjurus kepada pertumbuhan kerana ia mengambil kira ketidakpastian dalam senario luar seperti perkembangan di Amerika Syarikat dan Afghanistan.

Presiden MTUC, Senator Datuk Zainal Rampak berkata kerajaan menarik perhatian mengenai perlunya mengekalkan daya saing dan pengagihan kekayaan secara sama rata dan MTUC menyokong penuh usaha kerajaan untuk membantu syarikat yang bermasalah melalui penyaluran semula modal bertujuan melindungi aset dan menyelamatkan pekerjaan.

"MTUC juga menggesa majikan mencontohi langkah kerajaan menyediakan pendidikan dan latihan kepada pekerja dan tidak sebaliknya memberhentikan pekerja sewenang-wenangnya," kata nya dalam satu kenyataan di sini.

Majlis Belia Malaysia dalam kenyataannya pula menganggap Belanjawan 2002 sebagai menyediakan asas yang strategik dan kukuh bagi pembangunan negara dalam masa 10 tahun akan datang.

Presidennya, Saifuddin Abdullah berkata dengan belanjawan strategik kerajaan mampu mengemudi pembangunan negara dengan jayanya.

"Jika dengan pelaksanaan pembangunan yang praktikal Malaysia berjaya mengeluarkan diri daripada kegawatan ekonomi pada 1997, maka dengan perancangan yang sama baiknya, Malaysia pasti boleh melakukannya," katanya.

Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) juga menyambut baik Belanjawan 2002 kerana belanjawan ini membolehkan semua rakyat - baik yang miskin mahupun kaya - berpeluang menikmati kemudahan kesihatan.

Presiden MMA Datuk Dr N Athimulan berkata pengecualian cukai ke atas peralatan pendidikan, peruntukan RM202 juta untuk membina 283 klinik kesihatan, RM6.3 bilion untuk hospital dan klinik kesihatan, dan pertambahan elaun bagi kerja lebih masa menjadikan Belanjawan 2002 sebagai 'Belanjawan Sihat'.

(END)